

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans Kemalangan Diri Prime MSIG anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

1. Apakah Insurance Kemalangan Diri Prime MSIG?

Insurans Kemalangan Diri Prime MSIG menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan. Polisi ini termasuk bonus pembaharuan sehingga 100% daripada jumlah prinsipal yang diinsuranskan.

2. Ketahui Perlindungan Anda.

Sebagai ilustrasi, untuk premium RM 113.00 (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) setiap tahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Polisi/sijil ini meliputi:	Polisi/sijil ini tidak termasuk :
- Kematian Akibat Kemalangan - RM50,000 - Hilang Upaya Kekal - RM50,000 - Perbelanjaan Perubatan - RM5,000 - Pendapatan Hospital Harian - RM30 (setiap hari sehingga 365 hari) - Elaun Penjagaan Keluarga Harian - RM30 (setiap hari sehingga 14 hari) - Manfaat Rekuperasi - RM1,000 - Bayaran Ambulans - RM500 - Elaun Pemulihan - RM2,000 - Pembelian Peralatan Ortopedik - RM20,000 - Perbelanjaan Pemulihan - RM1,000 - Pembaikan Pergigian - RM2,500 - Manfaat Terbakar Parah - RM5,000 - Perbelanjaan Kaunseling Trauma - RM3,000 - Perisai Ibu Bapa - RM2,500 kepada setiap ibu bapa yang masih hidup - Elaun Perkabungan - RM5,000 - Elaun Perkabungan untuk Kematian Akibat Demam Denggi, Malaria, Chikungunya, Ensefalitis Jepun (JE) dan virus Zika - RM5,000 - Ragut/Rompakan - RM500 - Kematian atau Hilang Upaya Akibat Ragut/Rompakan - RM5,000 - Perbelanjaan Mencari dan Menyelamat - RM5,000 - Manfaat Penculikan - RM5,000 untuk perbelanjaan yang diperlukan untuk menemui Orang Yang Diinsuranskan, RM25,000 untuk ganjaran untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Orang Yang Diinsuranskan - HIV Akibat daripada Pemindahan Darah - RM5,000 - Liabiliti Peribadi - RM50,000 - Perlindungan Dompot Digital - RM5,000 - MSIG Assist - Perkhidmatan Bantuan Kecemasan 24 jam <i>Nota: Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh manfaat.</i>	- Peperangan atau risiko yang seumpamanya - Pengionan, radiasi atau pencemaran daripada radioaktif - Bunuh diri, kecederaan akibat perlakuan diri sendiri - AIDS atau penyakit kompleks berkaitan AIDS - Hamil, bersalin - Keadaan fizikal atau mental yang sedia ada - Penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam kapal terbang yang berlesen penuh untuk membawa penumpang - Penyalahgunaan dadah - Aktiviti-aktiviti Berbahaya - Sukan-sukan profesional - Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang <i>Nota: Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>
Dengan pembayaran premium tambahan, perlindungan boleh diperluaskan untuk merangkumi: - Perbelanjaan Perubatan Tradisional Cina - RM2,000 (had maksimum setahun) - Manfaat Mingguan - RM350 (had seminggu) bagi Hilang Upaya Keseluruhan Sementara, dan RM175 (had seminggu) bagi Hilang Upaya Separa Sementara	

Tempoh perlindungan insurans ialah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi/sijil anda setiap tahun.

Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Kemalangan Diri Prime MSIG anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744)
atau 603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Emel kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans Kemalangan Diri Prime MSIG, anda mesti membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard (Pelan A, Kelas 1) : RM113.00 (setiap tahun)

Perlindungan Tambahan

Perbelanjaan Perubatan Tradisional Cina (Pelan 1) : RM50.00 (setiap tahun)

Manfaat Mingguan (Pelan A) : RM20.00 (setiap tahun)

Jumlah premium bagi setiap Orang yang Diinsuranskan : RM183.00

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti Setem : RM10.00

Komisen (25%) : RM45.75 (Termasuk dalam premium)

Cukai Perkhidmatan (8%) : RM14.64

Jumlah premium yang perlu dibayar : RM207.64

4. Syarat dan Terma Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan, kegiatan peribadi dan sejarah perubatan anda.
- Kelayakan - Anda mestilah warganegara Malaysia, pemastautin kekal atau individu yang menetap atau bekerja secara sah di Malaysia.
- Had umur (pada tarikh permulaan polisi):
 - I. Dewasa - 18 hingga 69 tahun.
 - II. Anak - 15 hari sehingga to 21 tahun jika menganggur atau belum berkahwin; sehingga 24 tahun jika dalam pendidikan sepenuh masa.
- Tunai sebelum perlindungan - Perlindungan bermula hanya selepas anda membayar premium.
- Umur pembaharuan - Polisi ini boleh diperbaharui sehingga umur 80 tahun.
- Premium dan terma pembaharuan mungkin berbeza-beza bergantung pada sejarah tuntutan anda dan keperluan taja jamin kami.
- Notis tuntutan - Anda mesti memaklumkan dan memberikan butiran tuntutan penuh kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas mengalami sebarang kemalangan, kehilangan atau kerosakan.

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil anda pada bila-bila masa dengan memaklumkan kami secara bertulis. Kami akan membayar balik premium anda berdasarkan kepada kadar jangka pendek bagi tempoh perlindungan yang belum tamat tempoh, tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM60.00 (tidak termasuk cukai). Jika anda telah membuat tuntutan, tiada bayaran balik akan diberikan.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.